

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1985/86

HGK 471 - Geografi Wilayah Asean

Tarikh: 7 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
( 3 jam )

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja.

1. "Negara-negara Asean sedang mengalami masalah-masalah dualisme ekonomi dan dualisme reruang." Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu.

2. SAMA ADA

- (a) "Dengan memperhebatkan rancangan pembangunan luar bandar di negara-negara Asean, kadar migrasi desa-bandar akan dikurangkan." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

ATAU

- (b) "Pengagihan semula pola penduduk di negara-negara Asean memainkan peranan yang penting dalam pembangunan wilayah." Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu.

3. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan kepentingan sektor pertanian komersial kepada ekonomi negara-negara Asean. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor ini?

4. Bagaimanakah bandar-bandar primat di negara-negara Asean telah menjadi terlalu besar? Bincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan pola perbandaran yang tidak seimbang.

5. Bincangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh negara-negara Asean untuk memperkembangkan sektor perindustrian. Apakah masalah-masalah yang akan dihadapi dalam perlaksaan langkah-langkah itu?
6. Sejauh manakah pembentukan Asean telah mencapai matlamat kerjasama wilayah? Bincangkan dengan menggunakan contoh-contoh tertentu.

-000000000-